

Kota Tinggi Trail Run 2017 dapat sambutan hebat



BADRUL HISHAM KASSIM (tujuh dari kiri) bersama pemenang larian lasak kategori tujuh kilometer lelaki Kota Tinggi Trail Run 2017 di Kulim Eco Trail Retreat, Ladang Basir Ismail, Segamat, Johor baru-baru ini. UTUSAN/FARIK SALLEH

KOTA TINGGI 3 Sept. – Penganjuran Kota Tinggi Trail Run 2017 mendapat sambutan luar jangkaan daripada penggemar sukan lasak termasuk peserta luar negara.

Ini terbukti apabila jumlah peserta meningkat sekali ganda berbanding penganjuran pada kali pertama tahun lalu dengan seramai 1,000 peserta dari dalam dan luar negara menyertainya yang diadakan di Kulim Eco Trail Retreat Ladang Basir Ismail dekat sini baru-baru ini.

Kejohanan anjuran Kulim (M) Berhad itu bukan sekadar larian biasa, malah peserta perlu melalui pelbagai halangan termasuk meredah cabaran berbukit di kawasan ladang kelapa sawit selain melintas anak sungai sebelum tiba ke garisan penamat.

Presiden merangkap Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, acara tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk mempromosi Sungai Johor dan menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini khususnya ke daerah Kota Tinggi.

“Tambahan pula tahun ini lebih 20 peratus daripada jumlah peserta adalah dari luar negara seperti Kenya, Filipina, Thailand, Indonesia dan Singapura.

“Sememangnya Kulim Eco Trail Retreat cukup dengan pakej pelancongan melibatkan penginapan, lokasi bersejarah, tempat beriadah, tempat makan, kebudayaan dan warisan yang menjadikannya antara destinasi pelancongan utama di Johor,” katanya.

Program yang dirasmikan oleh Pegawai Daerah Kota Tinggi, Dr. Badrul Hisham Kassim itu turut dihadiri Pengarah Eksekutif Kulim (M) Berhad, Zulkefly Zakariah dan Ketua Divisyen Khidmat Korporat dan Pembangunan Bisnes Kulim, Abdul Shukor Abdullah.

Kamaruzzaman merangkap Pengerusi Kulim (M) Berhad berkata, acara tahunan itu masih mengekalkan dua kategori, namun jaraknya ditambah daripada lima kepada tujuh kilometer dan 10 kepada 15 kilometer.

“Tahun ini juga dipertandingkan kategori baharu iaitu Kategori Khas JCorp untuk pekerja JCorp membudayakan gaya hidup sihat selain mengisi masa lapang hujung minggu bersama keluarga,” katanya.

Dalam pada itu, kategori 15 kilometer lelaki dimenangi oleh guru bahasa Inggeris dari Kenya, Lel Kipchichio, 28, manakala wanita diungguli oleh suri rumah, Nurul Ashikin Mohd. Salin, 43, dari Pekan, Pahang yang mengakui sering menyertai larian seperti itu sambil mengunjungi tempat-tempat menarik di seluruh negara.

“Banyak tempat saya telah pergi kecuali Sabah dan Sarawak. Selain sebagai aktiviti riadah dan dapat melihat tempat orang, dapat juga duit tambah duit kocek jika menang,” katanya.